



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
(Sekatan) Kerja 1968
DR.37/1968

D. R. No.

RANG UNDANG² (SEKATAN) KERJA

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Fasal

1. Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.
3. Pegawai².

BAHAGIAN 2

SEKATAN² KERJA BAGI ORANG² BUKAN WARGANEGARA
PERSEKUTUAN

4. Pemakaian peruntukan² Bahagian 2.
5. Sekatan² kerja bagi orang² bukan warganegara.
6. Permohonan permit² kerja dan membaharu² permit² kerja.
7. Pengeluaran dan pembaharuan permit² kerja.
8. Butir² mengenai kerja baharu bagi orang² bukan warganegara.
9. Orang² bukan warganegara yang di-ambil bekerja atau yang mengambil bahagian dalam urusan sa-belum mula berkuatkuasa-nya Act.
10. Penamatan kerja orang² bukan warganegara.
11. Sah-nya permit kerja.
12. Tanggongan mengenai benar-nya permohonan.

BAHAGIAN 3

PENDAFTARAN

13. Pendaftaran orang² bukan warganegara.

BAHAGIAN 4

'AM

14. Kuasa masok dan meminta supaya di-kemukakan suratan², dsb.
15. Kehilangan permit² kerja.
16. Ma'alumat palsu.
17. Penjagaan dan penyerahan permit² kerja.
18. Penalti.
19. Natijah melanggar sekshen 10.
20. Pengechualian.
21. Peratoran.

JADUAL.

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi mengadakan peruntukan bagi menyekat daripada di-ambil bekerja dalam Persekutuan orang² bukan warganegara dalam kegiatan² urusan yang tertentu serta mengadakan peruntukan² bagi pendaftaran orang² sa-demikian dan perkara² yang berkenaan dengan-nya.

[]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut :

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

1. (1) Act ini boleh-lah di-namakan Act (Sekatan) Kerja, 1968, dan hendak-lah mula berkuatkuasa pada tarikh yang di-tetapkan oleh Mentri melalui pemberitahu dalam *Warta*, dan tarikh itu tidak-lah boleh lebeh awal daripada tarikh pemberitahu itu di-siarkan.

Tajok ringkas, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Persekutuan.

2. Dalam Act ini melainkan jika kandungan ayat-nya menghendaki ma'ana yang lain—

Tafsiran.

“majikan” erti-nya sa-saorang yang telah membuat suatu kontrek perkhidmatan untok mengambil bekerja mana² orang lain sa-bagai sa-orang pekerja dan termasuk ejen, pengurus atau wakil perniagaan orang yang tersebut dahulu itu dan perkataan² “pekerja”, “mengambil bekerja” dan “di-ambil bekerja” hendak-lah tiap² satu-nya di-ertikan dengan sa-wajar-nya;

“Mentri” erti-nya Mentri yang bertanggung-jawab bagi buroh;

“orang yang berkuasa” erti-nya sa-saorang yang di-berikuasa oleh Pesuruhjaya bagi maksud² Act ini;

“permit kerja” erti-nya suatu permit kerja yang di-keluarkan di-bawah sekshen 7;

“Pesurohjaya” erti-nya Pesurohjaya Kerja yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (1) sekshen 3;

“tarikh yang di-tetapkan” erti-nya tarikh mula berkuat-kuasa-nya Act ini;

“urusan” termasuk-lah apa² jenis perdagangan, per-usahaan, ketukangan, pekerjaan, profession atau lain² kegiatan yang di-jalankan bagi maksud perolehan.

Pegawai².

3. (1) Bagi mentadbirkan Act ini dengan sempurna, Yang di-Pertuan Agong boleh melantek sa-orang Pesurohjaya Kerja yang, terta'alok kepada arahan dan kawalan 'am Menteri, hendak-lah menjalankan tugas² Pesurohjaya yang di-beri oleh Act ini.

(2) Menteri boleh melantek beberapa pegawai kerja sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya perlu dan mustahak bagi maksud² Act ini.

(3) Sa-saorang pegawai kerja yang di-lantek di-bawah sekshen-kechil (2) ada-lah di-bawah arahan dan kawalan Pesurohjaya.

BAHAGIAN 2

SEKATAN² KERJA BAGI ORANG² BUKAN WARGANEGARA PERSEKUTUAN

Pemakaian
peruntukan²
Bahagian 2.

4. (1) Peruntukan² Bahagian ini hendak-lah di-pakai hanya terhadap kelas atau kelas² orang atau mengenai jenis atau jenis² kerja atau urusan sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui perintah membuat pindaan atau tambahan kepada Jadual.

Sekatan²
kerja bagi
orang²
bukan
warga-
negara.

5. (1) (a) Tiada-lah sa-saorang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual boleh mengambil bahagian atau di-ambil bekerja dalam mana² urusan dalam Persekutuan atau menerima kerja dalam mana² urusan dalam Persekutuan melainkan telah di-keluarkan berkenaan dengan orang itu suatu permit kerja.

(b) Tiada-lah sa-siapa jua boleh mengambil bekerja dalam Persekutuan sa-saorang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual melainkan telah di-keluarkan berkenaan dengan orang yang kedua itu suatu permit kerja yang sah.

(2) Peruntukan² sekshen-kechil (1) hendak-lah berkuat-kuasa walau apa pun peruntukan² mana² undang² bertulis yang lain atau mana² sharat sa-suatu kontrek atau perjanjian.

6. (1) Tiap² orang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual sa-belum memulakan apa² kerja atau urusan yang di-perihalkan dalam Jadual itu hendak-lah memohon kepada Pesurohjaya bagi satu permit kerja dan permohonan itu hendak-lah mengikut borang dan hendak-lah mengan-dongi butir² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Permohonan
bagi
permit²
kerja
dan mem-
baharui
permit²
kerja.

(2) Suatu permit kerja boleh di-baharui apabila habis tempoh sah-nya.

(3) Sa-siapa yang berkehendak membaharui sa-suatu permit kerja hendak-lah membuat suatu permohonan kepada Pesurohjaya atau mana² orang yang berkuasa mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.

7. (1) Apabila menerima permohonan untuk suatu permit kerja atau permohonan untuk membaharui suatu permit kerja di-bawah sekshen 6, Pesurohjaya atau mana² orang yang berkuasa boleh mengikut budibichara-nya mengeluarkan suatu permit kerja mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan atau membaharui permit kerja itu dan boleh mengenakan atas-nya sharat² dan sekatan² sa-bagaimana yang di-fikirkan-nya patut.

Pengeluaran
dan pem-
baharuan
permit²
kerja.

(2) Pesurohjaya boleh pada bila² masa jua mengubah atau menambah apa² sharat atau sekatan di-dalam suatu permit kerja.

(3) Pesurohjaya boleh mengikut budibichara-nya pada bila² masa jua pun dengan tidak memberi apa² sebab bagi-nya enggan mengeluarkan atau membaharui sa-suatu permit kerja atau membatalkan atau menggantung sa-suatu permit kerja.

(4) Sa-siapa yang tidak berpuashati dengan sa-suatu keputusan Pesurohjaya di-bawah sekshen-kechil (1), (2) atau (3) boleh, dalam tempoh dua puluh satu hari dari tarikh keputusan itu, merayu kepada Mentri dan keputusan Mentri itu ada-lah mu'tamad dan tidak-lah boleh menjadi hal-perkara apa² rayuan atau ulangkaji dalam mana² mahkamah.

8. Sa-saorang majikan, sa-belum mengambil bekerja mana² orang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual, hendak-lah memberi kepada Pesurohjaya butir² mengenai kerja itu dan mengenai orang itu mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Butir²
mengenai
kerja
baharu bagi
orang²
bukan
warga-
negara.

Orang²
bukan
warganegara
yang ada
bekerja atau
yang ada
mengambil
bahagian
dalam
urusan sa-
belum mula
berkuat-
kuasa-nya
Act.

9. (1) Tiap² orang bukan warganegara yang di-rujok dalam Jadual yang pada tarikh yang di-tetapkan ada bekerja dalam mana² jenis kerja atau ada mengambil bahagian dalam mana² urusan yang di-perihalkan dalam Jadual itu hendak-lah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh yang di-tetapkan atau dari tarikh yang lebeh lewat lagi sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri, memohon kepada Pesurohjaya bagi suatu permit kerja dan permohonan itu hendak-lah mengikut borang dan hendak-lah mengandongi butir² sa-bagaimana yang di-tetapkan.

(2) Tiap² orang yang pada tarikh yang di-tetapkan itu menjadi sa-orang majikan bagi sa-saorang pekerja dalam mana² jenis kerja atau urusan yang di-perihalkan dalam Jadual hendak-lah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh yang di-tetapkan atau tarikh yang lebeh lewat lagi sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri, memberi kepada Pesurohjaya butir² mengenai orang² bukan warganegara yang ada bekerja dengan-nya dan butir² mengenai kerja itu mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Penamatan
kerja
orang²
bukan
warga-
negara.

10. (1) Walau apa pun peruntokan² mana² undang² bertulis atau mana² sharat sa-suatu kontrek atau perjanjian, sa-saorang majikan bagi sa-saorang pekerja dalam mana² jenis kerja atau urusan yang di-perihalkan dalam Jadual hendak-lah menamatkan perkhidmatan pekerja itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh ia di-beritahu dengan bertulis oleh Pesurohjaya—

(a) bahawa sa-suatu permit kerja telah enggan di-beri mengenai pekerja itu ia-itu sa-saorang yang ada bekerja dengan-nya pada tarikh yang di-tetapkan itu; atau

(b) bahawa permit kerja yang di-keluarkan mengenai pekerja itu telah di-batalkan, di-gantong atau tidak di-baharui di-bawah sekshen-kechil (3) sekshen 7.

(2) Tiap² majikan yang di-rujok dalam sekshen-kechil (1) yang menamatkan perkhidmatan sa-saorang pekerja atau tidak lagi mengambil bekerja pekerja sa-demikian mengikut peruntokan² sekshen-kechil (1) atau kerana apa² sebab jua pun, hendak-lah memberitahu Pesurohjaya dengan bertulis dalam tempoh empat belas hari dari tarikh penamatan atau dari tarikh ia tidak lagi mengambil bekerja pekerja sa-demikian itu.

(3) Penamatan perkhidmatan sa-saorang pekerja mengikut peruntukan² sekshen-kecil (1) tidak-lah—

(a) boleh di-rundingkan oleh sa-suatu kesatuan sekerja yang mewakili orang yang berkenaan itu; atau

(b) boleh di-jadikan hal-perkara suatu pertikaian sekerja atau langkah² persidangan tolak-ansor atau apa² chara tuntutan sama ada di-bawah mana² undang² bertulis atau tidak.

11. (1) Terta'alok kepada peruntukan² sekshen-kecil (2) dan (3) sekshen 7 sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan di-bawah peruntukan² Bahagian ini hendak-lah sah, melainkan di-nyatakan sa-balek-nya, hanya berkenaan dengan kerja tertentu dan majikan yang di-nyatakan di-dalam-nya.

Sah-nya
permit²
kerja.

(2) Sa-suatu permit kerja hendak-lah sah sa-lama tempoh dua tahun melainkan terdahulu di-batalkan atau di-gantung.

12. Tanggongan membuktikan benar-nya kandungan sa-suatu permohonan untuk sa-suatu permit kerja di-bawah peruntukan² sekshen 6 ada-lah di-atas orang yang membuat permohonan itu.

Tanggongan
mengenai
benar-nya
permohonan.

BAHAGIAN 3

PENDAFTARAN

13. (1) Terta'alok kepada apa² pengechualian yang di-buat di-bawah Act ini, tiap² orang bukan warganegara yang di-dalam kelas atau kelas² atau yang bekerja dalam mana² jenis kerja atau urusan sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam pemberitahu di-bawah sekshen-kecil (2) hendak-lah di-daftarkan di-bawah sekshen ini.

Pendaftaran
orang²
bukan
warganegara.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahu dalam *Warta* menyatakan kelas atau kelas² orang bukan warganegara atau jenis atau jenis² kerja atau urusan yang bagi-nya peruntukan sekshen-kecil (1) ada-lah di-pakai.

(3) Terta'alok kepada sekshen-kecil (1) dan (2) tiap² orang bukan warganegara hendak-lah memohon kepada Pesuruhjaya mengikut borang yang di-tetapkan supaya di-daftarkan.

(4) Pesuruhjaya hendak-lah menyimpan dan menyenggara suatu daftar bagi orang² yang di-daftarkan di-bawah Bahagian ini.

(5) Daftar yang di-kehendaki di-simpan dan di-senggarai oleh Pesuruhjaya di-bawah sekshen-kecil (4) hendak-lah mengikut bentuk yang di-tetapkan.

BAHAGIAN 4

'AM

Kuasa
masuk dan
meminta
supaya di-
kemukakan
suratan²,
dsb.

14. (1) Sa-saorang pegawai kerja boleh jika ia ada sebab memperchayai bahawa suatu kesalahan di-bawah Act ini telah atau sedang di-lakukan di-dalam mana² premises yang lain daripada premises yang sa-mata² di-gunakan sa-bagai tempat kediaman dengan tidak berwaran memasoki premises itu.

(2) Sa-saorang pegawai kerja boleh—

(a) menghendaki mana² orang, yang pegawai kerja itu ada sebab memperchayai ada memileki apa² suratan atau mempunyai apa² ma'alumat yang berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan² Act ini, supaya mengemukakan suratan itu atau supaya memberi ma'alumat itu; atau

(b) menyoal mana² orang atau menghendaki mana² orang dengan notis bertulis supaya hadhir pada masa dan di-tempat sa-bagaimana yang tersebut dalam notis itu berkenaan dengan apa² suratan atau ma'alumat yang, pada pendapat pegawai kerja itu, berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan² Act ini, dan yang di-perchayai-nya ada di-dalam milek atau pengetahuan orang itu.

Kehilangan
permit²
kerja.

15. (1) Jika sa-suatu permit kerja itu hilang, musnah atau rosak, sa-saorang yang bagi-nya permit kerja itu telah di-keluarkan hendak-lah dengan serta merta melaporkan perkara itu kepada Pesurohjaya atau mana² orang yang berkuasa dan hendak-lah memohon suatu gantian bagi permit kerja itu.

(2) Suatu permit kerja gantian boleh di-keluarkan oleh Pesurohjaya atau orang yang berkuasa sa-bagai ganti permit kerja yang telah hilang, musnah atau rosak itu.

(3) Jika sa-saorang yang tersebut di-atas itu sa-lepas memberitahu kehilangan permit kerja-nya menjumpai sa-mula permit kerja itu maka hendak-lah ia dengan serta merta memberitahu Pesurohjaya atau orang yang berkuasa bahawa ia telah menjumpai-nya sa-mula.

(4) Jika sa-siapa yang tersebut di-atas itu menjumpai sa-mula permit kerja-nya sa-lepas suatu permit kerja gantian telah di-keluarkan kapada-nya di-bawah sekshen-kechil (2), maka hendak-lah ia dengan serta merta mengem-balikan permit kerja yang di-jumpai-nya itu untuk di-batalkan.

(5) Sa-siapa yang menjumpai atau kapada-nya di-serahkan sa-suatu permit kerja yang lain daripada permit kerja kepunyaan-nya sendiri hendak-lah dengan segera menyerahkan-nya kapada Pesurohjaya atau mana² orang yang berkuasa, atau kapada balai polis yang hampir sa-kali, atau pejabat pos.

16. Sa-siapa yang membuat apa² kenyataan atau memberi apa² ma'alumat kapada Pesurohjaya atau mana² pegawai kerja atau mana² orang yang berkuasa di-bawah peruntukan² Act ini atau mana² kaedah² yang di-buat di-bawah-nya yang ia ketahuⁱ atau yang ia ada sebab memperchayaⁱ sa-bagai palsu dalam butir² mustahak atau meninggalkan apa² butir yang ia ketahuⁱ atau yang ia ada sebab memperchayaⁱ sa-bagai suatu butir mustahak boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-tahun atau kedua² denda dan penjara itu.

Ma'alumat palsu.

17. (1) Sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan bagi sa-saorang tidak-lah boleh di-pindah-milek dan hendak-lah di-simpan oleh-nya dalam masa tempoh sah-nya.

Penjagaan dan penyerahan permit² kerja.

(2) Jika sa-suatu permit kerja itu telah di-batalkan atau telah habis tempoh-nya orang yang bagi-nya permit kerja itu di-keluarkan hendak-lah dengan segera menyerahkan permit kerja itu kapada Pesurohjaya atau mana² orang yang berkuasa.

18. (1) Sa-siapa yang tidak mematohi peruntukan² sekshen 5 atau sekshen 13 ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada lima ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada sa-tahun atau kedua² denda dan penjara itu.

Penalti.

(2) Sa-siapa yang memalsukan, mengubah atau menchatkan sa-suatu permit kerja ada-lah melakukan suatu kesalahan dan apabila di-thabitkan boleh di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua² denda dan penjara itu.

(3) Tiap² ketinggalan atau kechuaian mematohi, atau tiap² perbuatan yang di-lakukan atau yang di-chuba hendak di-lakukan yang berlawanan dengan, peruntukan² Act ini atau mana² peratoran² yang di-buat di-bawah-nya, atau apa² pelanggaran sharat atau sekatan yang di-kenakan ka-atas sa-suatu permit kerja yang di-keluarkan di-bawah Act ini, ada-lah menjadi suatu kesalahan terhadap Act ini

dan pensalah, jika tiada apa² penalti yang di-peruntokkan dengan nyata-nya, boleh apabila di-thabitkan di-kenakan denda yang tidak lebeh daripada sa-ribu ringgit atau penjara sa-lama tempoh yang tidak lebeh daripada enam bulan atau kedua² denda dan penjara itu dan, bagi sa-suatu kesalahan yang berterusan, denda sa-lanjut-nya yang tidak lebeh daripada sa-ratus ringgit sa-hari:

Dengan syarat bahawa tiada-lah sa-siapa jua boleh di-thabitkan di-bawah sekshen ini sa-mata² oleh sebab tidak mematohi peruntokan² perenggan (a) sekshen-kechil (2) sekshen 14 jika dalam tempoh empat puloh lapan jam sa-lepas di-kehendaki berbuat demikian ia mengemukakan atau memberi surat atau ma'alumat yang ada pada-nya.

Natijah
melanggar
sekshen 10.

19. Jika berkenaan dengan pengambilan bekerja sa-saorang bukan warganegara suatu pelanggaran peruntokan² sekshen 10 berlaku, maka orang itu tidak-lah boleh sa-mata² oleh kerana pelanggaran itu di-sifatkan sa-bagai telah di-ambil bekerja di-bawah suatu kontrek kerja yang tidak sah di-sisi undang².

Pengechu-
alian.

20. (1) Peruntokan² Act ini tidak-lah di-pakai kepada—

23 tahun
1960.

(a) mana² anggota sa-suatu Angkatan Tentera Melawat mengikut pengertian mana² undang² yang pada masa itu berkuatkuasa yang mengawal Angkatan Tentera Melawat yang ada di-Persekutuan;

24 tahun
1966.

(b) orang² yang di-beri tauliah dengan sempurna-nya sa-bagai wakil² diplomat atau konsol ka-Persekutuan;

53 tahun
1957.

(c) orang² yang kapada-nya pengechualian dan kele-
behan yang di-rujuk dalam Bahagian 2 atau
3 dalam Jadual Pertama kapada Ordinance
Kelebehan² Diplomat dan Konsol, 1957, telah
di-beri di-bawah Ordinance itu;

(d) pengkhidmat² sendirian atau lain² pekerja bagi
orang² yang di-rujuk dalam perenggan (a), (b)
dan (c) ia-itu pekerja² yang di-ambil bekerja bagi
kerja itu daripada negara Angkatan Tentera
Melawat itu atau negara yang di-wakili oleh
orang² yang di-rujuk dalam perenggan (b) atau
(c) dalam Persekutuan;

(e) pegawai² sa-suatu pertubohan antarabangsa yang
di-ishtiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong di-
bawah sekshen 4 Ordinance Kelebehan² Diplomat
dan Konsol, 1957;

- (f) orang² yang berada di-Persekutuan dan kehadhirannya ada-lah di-taja oleh Kerajaan; dan
- (g) orang² bukan warganegara yang berumur kurang daripada 21 tahun yang di-lahirkan di-Persekutuan atau yang tinggal menetap di-Persekutuan sa-belum Hari Merdeka bagi Malaysia Barat dan sa-belum Hari Malaysia bagi Malaysia Timor dan memileki kad² pengenalan merah Malaysia.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh melalui Perintah mengechualikan mana² orang atau kelas orang² daripada mana² atau kesemua peruntokan² Act ini.

21. Menteri boleh membuat peratoran² pada 'am-nya bagi melaksanakan peruntokan² Act ini, dan peratoran² sa-demikian boleh— Peratoran.

- (a) menetapkan bayaran² sa-bagaimana yang perlu bagi maksud² Act ini;
- (b) menetapkan bentok² daftar, permohonan dan permit atau lain² borang yang di-kehendaki di-simpan, di-guna atau di-keluarkan;
- (c) membuat peruntokan mengenai achara menggantikan permit² kerja yang hilang atau chachat;
- (d) mengadakan peruntokan mengenai chara bagaimana dan tempat² di-mana permohonan permit² kerja boleh di-buat;
- (e) mengadakan peruntokan mengenai ma'alumat dan suratan² yang di-kehendaki di-beri bagi maksud² permohonan permit² kerja;
- (f) mengadakan peruntokan mengenai pemereksaan dan penunjokan permit² kerja;
- (g) mengadakan peruntokan bagi mengambil dan merekodkan gambarfoto² orang² yang memohon permit kerja;
- (h) mengadakan peruntokan bagi membuat pembe-tulan² dan pengubahan² dalam daftar dan permit² kerja;
- (i) menghendaki penyerahan apa² penyata oleh mana² orang berhubung dengan pengambilan bekerja orang² bukan warganegara yang peruntokan² Bahagian 2 ada-lah di-pakai terhadap-nya mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan;
- (j) menetapkan bahawa sa-suatu perbuatan atau ketinggalan yang melanggar peruntokan² mana² peratoran itu ada-lah menjadi suatu kesalahan;
- (k) mengadakan peruntokan pada 'am-nya bagi maksud menguatkuasakan peruntokan² Act ini.

JADUAL
(Sekshen 4)

KELAS ATAU KELAS² ORANG DAN JENIS ATAU JENIS² KERJA

Tiap² orang bukan warganegara yang di-ambil bekerja dalam jenis atau jenis² kerja atau yang mengambil bahagian dalam mana² urusan yang di-perihalkan di-bawah ini:

- (i) apa² perusahaan atau usaha yang menjana letrik atau membekalkan letrik;
- (ii) apa² perusahaan atau usaha yang membekalkan ayer atau perkhidmatan² kebersehan;
- (iii) apa² perusahaan membalak;
- (iv) apa² pertubohan Bank, insuran atau kewangan;
- (v) apa² perusahaan yang membuat atau membekalkan senjata² dan peluru;
- (vi) apa² perusahaan melombong dan kuari;
- (vii) apa² urusan hotel, kelab-malam atau restoran;
- (viii) apa² perusahaan pembinaan atau bangunan;
- (ix) apa² perkhidmatan jurutrengkas atau kerani;
- (x) mana² pengawas, jaga atau pertubohan perkhidmatan keselamatan;
- (xi) apa² perusahaan surat khabar, perchetakan dan penerbitan;
- (xii) apa² perusahaan petroliam, minyak bahanapi dan saringan.

HURAIAN

Peruntokan² utama Rang Undang² ini ada-lah terkandung dalam Bahagian 2 Rang Undang² ini yang mengadakan peruntokan bagi orang² bukan warganegara supaya memohon dan di-keluarkan kapadanya permit² kerja sa-belum mereka boleh mengambil bahagian atau di-ambil bekerja dalam mana² urusan di-Persekutuan. Walau pun demikian peruntokan² ini boleh di-kuatkuasakan hanya mengenai jenis² kerja atau terhadap kelas orang² sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual.

2. Bagi maksud mentadbir peruntokan² Rang Undang² ini Pesurohjaya Kerja dan pegawai² kerja di-lantek di-bawah fasal 3 Rang Undang² ini. Pesurohjaya hendak-lah menjalankan tugas²-nya di-bawah arahan 'am Mentri dan pegawai² kerja hendak-lah menjalankan tugas²-nya di-bawah arahan Pesurohjaya.

3. Dengan ringkas-nya peruntokan² Rang Undang² ini ada-lah saperti berikut:

- (a) Fasal 2 mengadakan peruntokan bagi mentafsirkan perkataan² tertentu yang di-gunakan dalam Rang Undang² ini;
- (b) Fasal 3 mengadakan peruntokan mengenai perlantekan Pesurohjaya dan pegawai kerja;

(c) Bahagian 2 mengadakan peruntukan bagi menyekat daripada di-ambil bekerja orang² bukan warganegara. Tetapi Fasal 4 memperuntukkan bahawa peruntukan² Bahagian 2 hendak-lah di-pakai hanya bagi mana² kelas atau kelas² orang atau mana² jenis kerja atau urusan yang di-nyatakan dalam Jadual. Orang atau kerja yang di-nyatakan sa-demikian itu hendak-lah ter-ta'alok kepada peruntukan² berikut dalam Bahagian itu, ia-itu, tiada-lah sa-siapa yang bukan warganegara boleh mengambil bahagian atau di-ambil bekerja dalam apa² urusan di-Persekutuan atau menerima kerja dalam apa² urusan di-Persekutuan melainkan ia memileki suatu permit kerja yang sah.

Fasal 6 dan 7 mengadakan peruntukan mengenai achara memohon permit² kerja dan bagi membaharuⁱ permit² kerja.

Di-dalam fasal 7 itu juga Pesurohjaya ada-lah di-beri budi-bichara yang penoh (dengan tidak payah memberi apa² sebab jua pun) untok enggan mengeluarkan atau membaharuⁱ atau untok membatalkan atau menggantung sa-suatu permit kerja. Sa-siapa yang tidak berpuashati dengan mana² keputusan Pesurohjaya boleh dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan itu merayu kepada Mentri dan keputusan Mentri mengenai-nya ada-lah akhir dan mu'tamad dan tidak boleh di-jadikan hal-perkara rayuan atau ulangkaji di-mana² Mahkamah pun.

Fasal 8 menghendaki sa-saorang majikan sa-belum mengambil bekerja sa-saorang bukan warganegara yang Bahagian 2 ada-lah di-pakai terhadap-nya supaya memberi kepada Pesurohjaya butir² kerja itu dan butir² mengenai orang bukan warganegara itu mengikut borang sa-bagaimana yang di-tetapkan.

Fasal 9 ada-lah mengenai orang² bukan warganegara yang Bahagian 2 ada-lah di-pakai terhadap-nya dan yang di-ambil bekerja atau yang mengambil bahagian dalam sa-suatu urusan di-Persekutuan pada hari Act ini mula berkuatkuasa; orang² tersebut hendak-lah dalam tempoh 30 hari dari tarikh Act ini mula berkuatkuasa (atau dari tarikh yang lebeh lewat lagi sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri) memohon permit² kerja dan majikan bagi orang² itu hendak-lah dalam tempoh itu juga (atau dari tarikh yang lebeh lewat lagi sa-bagaimana yang di-tetapkan oleh Mentri) memberi kepada Pesurohjaya butir² mengenai semua orang bukan warganegara yang ada bekerja dengan-nya.

Fasal 10 mengadakan peruntukan mengenai penamatan kerja orang² bukan warganegara yang Bahagian 2 ada-lah di-pakai terhadap-nya, ia-itu, sa-saorang majikan hendak-lah menamatkan perkhidmatan² sa-saorang bukan warganegara dalam tempoh tiga puloh hari dari tarikh ia di-beritahu mengenai nyataan bahawa orang bukan warganegara yang ada bekerja dengan-nya pada tarikh Act ini mula berkuatkuasa tidak di-keluarkan suatu permit kerja atau bahawa suatu permit kerja bagi orang bukan warganegara itu telah di-batalkan atau di-gantung atau telah tidak di-baharuⁱ. Apa² penamatan perkhidmatan sa-saorang bukan warganegara di-bawah fasal ini tidak-lah boleh di-runding oleh sa-suatu kesatuan sekerja atau di-jadikan suatu hal-perkara pertikaian sekerja atau mana² langkah perundingan sa-umpama itu.

Terta'alok kepada peruntukan² berkenaan dengan pembatalan dan penggantungan, sa-suatu permit kerja itu ada-lah sah—

- (i) bagi sa-lama tempoh dua tahun; dan
 - (ii) melainkan di-nyatakan sa-balek-nya, hanya bagi kerja tertentu dan bagi majikan yang di-nyatakan dalam permit kerja itu (Fasal 11).
- (d) Bahagian 3 mengandongi peruntukan² berkenaan dengan pendaftaran orang² bukan warganegara yang tertentu melainkan mereka yang di-kechualikan di-bawah Fasal 20. Fasal 13 mengadakan peruntukan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh menyatakan melalui pemberitahu dalam *Warta* kelas atau kelas² orang bukan warganegara atau jenis atau jenis² kerja atau urusan yang bagi-nya atau Bahagian 3 ada-lah di-pakai.
- (e) Bahagian 4 mengandongi kuasa sa-saorang pegawai kerja untuk masuk dan meminta supaya suratan atau ma'alumat di-kemukakan (Fasal 14), achara berkenaan dengan penggantian permit² kerja yang hilang, musnah atau rosak (Fasal 15), kesalahan² kerana membuat ma'alumat palsu (Fasal 16) dan kesalahan² kerana melanggar Fasal² 5 dan 13 Rang Undang² ini dan lain² kesalahan mengenai ketinggalan atau kechuaian (Fasal 18). Peruntukan² berhubung dengan penyerahan dan penjagaan permit² kerja ada-lah terkandung dalam Fasal 17. Peruntukan pengechualian ada-lah terkandung dalam Fasal 20. Peruntukan yang memberi kuasa kepada Mentri untuk membuat peratoran² bagi maksud² Act ini ada terkandung dalam Fasal 21.

[P.N. 2505/1.]

ndaan untuk di-chadangkan dalam Jawatankuasa

oleh Yang Berhormat Menteri 7

37 68

ti Fasal 20(1)(g) dengan yang berikut -

"(g) orang bukan warganegara yang berumur

kurang daripada 21 tahun yang -

(i) di-lahirkan di-Persekutuan; atau

(ii) tinggal menetap di-Persekutuan

sa-belum Hari Merdeka bagi

Malaysia Barat dan sa-belum Hari

Malaysia bagi Malaysia Timor;

dan memileki kad2 pengenalan merah Malaysia.".

HURAIAN

Ini ada-lah pindaan penggubalan sahaja untuk

jelaskan maksud fasal itu.

atan Peguam Negara,
la Lumpur.

b. Ogos, 1968

N. 2505/1. 7